

**BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)**



Sasaran Rangka Tindakan ASEAN 2025 tidak banyak dicapai

Oleh Muhammad Yusri Muzamir - Oktober 26, 2021 @ 11:57am

yusri.muzamir@bh.com.my



Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tan Sri Abdul Wahid Omar

KUALA LUMPUR: Kajian Separuh Penggal terhadap Rangka Tindakan Ekonomi ASEAN pada April lalu, mengakui tidak banyak perkembangan dicapai dalam sasaran Rangka Tindakan ASEAN 2025.

Laporan berkenaan turut menyarankan supaya negara ASEAN mempercepat pelaksanaan pelbagai inisiatif dengan memberi tumpuan kepada kualiti dan langkah berimpak tinggi.

Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tan Sri Abdul Wahid Omar, berkata ia turut menyarankan supaya negara ASEAN memberi tumpuan kepada pelaksanaan perjanjian utama Rangka Tindakan Ekonomi ASEAN.

Beliau berkata, ini termasuklah pendigitalan, rangkaian nilai global, amalan baik peraturan dan pertumbuhan ekonomi mampan, serta memperkukuh koordinasi rentas sektor dan tonggak.

Bagaimanapun, katanya Komuniti Ekonomi ASEAN 2025 sudah mencapai beberapa kejayaan, termasuk mempertingkatkan pemudah cara perdagangan melalui ASEAN Trade Facilitation Framework, pada 2017.

"Ini telah menambah baik operasi institusi dan pelaksanaan Perjanjian Mudahcara Dagangan WTO.

"Dalam aspek penyatuan kewangan, keterangkuman dan kestabilan, ASEAN telah mencapai beberapa penanda aras terutamanya dalam perkhidmatan kewangan di bawah ASEAN Framework Agreement on Services dan pelaksanaan ASEAN Banking Integration Framework.

"Melalui perjanjian ini, negara ASEAN boleh menandatangani perjanjian bilateral yang membolehkan bank ASEAN yang layak mendapat akses dan kemudahan operasi lebih fleksibel," katanya.

Beliau berkata demikian ketika uaputama Persidangan Antarabangsa Ekonomi Pengurusan dan Perakaunan Malaysia-Indonesia (MIICEMA) Ke-21 secara maya, hari ini.

Persidangan MIICEMA bertemakan 'Integrasi ASEAN ke arah Perkongsian Kemakmuran dalam Ketidaktentuan Global' itu dirasmikan, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim.

Abdul Wahid berkata, pihaknya berharap negara ASEAN dapat mempertimbangkan tiga perkara bagi memastikan matlamat Komuniti Ekonomi ASEAN 2025 dapat dicapai dengan jayanya.

Beliau berkata, antaranya ialah menggalakkan lagi lebih banyak syarikat beroperasi di seluruh negara ASEAN yang akan memantapkan perdagangan sesama negara anggota dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi ASEAN.

"Menggalakkan lebih banyak institusi kewangan beroperasi merentas negara ASEAN. Mereka akan memudah cara pembiayaan perniagaan serta mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan merentas ASEAN.

"Menimbang semula cadangan pelaksanaan satu zon waktu ASEAN iaitu GMT+8 yang sama waktu dengan China, Hong Kong dan Taiwan. Ini akan mempermudah lagi dagangan dan perniagaan dalam kalangan negara ASEAN dan di antara ASEAN dengan rakan dagangnya terbesar iaitu China," katanya.